



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
PEMANTAUAN KPWKM TERHADAP ISU PERKAHWINAN BAWAH UMUR

Merujuk kepada kes perkahwinan bawah umur di Kelantan, pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus membuat pemantauan terhadap kanak-kanak berumur 11 tahun itu.

Pihak KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah membuat lawatan ke rumah dan setakat ini khidmat kaunseling telah diberi sebanyak dua kali kepada kanak-kanak dan keluarga tersebut.

Kanak-kanak tersebut telah dibawa menjalani pemeriksaan kesihatan di Hospital Kuala Krai pada 4 Julai 2018. Pakar Kesihatan Kanak-Kanak Hospital Kuala Krai telah mengesahkan tiada sebarang tanda-tanda yang mencurigakan atau menunjukkan kanak-kanak tersebut pernah didera atau dicederakan. Walau bagaimanapun, laporan penuh masih belum dikeluarkan lagi.

Maklumat terkini yang diperolehi dari ibu kandung kanak-kanak menyatakan bahawa mereka kini berada di Kota Bahru dan sedang menunggu pihak berkuasa Thailand membuat urusan bagi membawa mereka sekeluarga pulang ke Thailand. Tujuan dan jangka masa mereka akan berada di Thailand masih lagi tidak diketahui. Namun mereka dijangka dibawa pulang oleh pihak berkuasa Thailand ke Malaysia dalam masa terdekat.

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin terhadap isu yang amat serius ini. Beliau juga akan memastikan JKM akan terus membuat pemantauan bagi memastikan isu ini ditangani oleh pihak kerajaan dengan sebaiknya.

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
8 Julai 2018